

BERITA HARIAN

DATE: 29 / 08 / 2007

Gugur syarat Mandarin – PM

KUALA LUMPUR 28 Ogos – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Majlis Tertinggi (MT) UMNO mahu sektor swasta yang dikuasai oleh kaum Cina menggugurkan syarat penguasaan dalam bahasa Mandarin bagi pengambilan pekerja di syarikat-syarikat mereka.

Perdana Menteri berkata, perkara tersebut dibincangkan secara panjang lebar dalam mesyuarat UMNO hari ini dan MT menyokong agar syarat penguasaan dalam bahasa Mandarin dihapuskan daripada iklan pekerjaan.

“MT sebulat suara menyokong keputusan yang dibuat oleh saya semasa merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan MCA Ke-54 di Wisma MCA pada 19 Ogos lalu.

“Sokongan MT ini juga bermakna baha-

Sokongan MT ini juga bermakna bahawa sektor swasta perlu menggugurkan syarat penguasaan bahasa Mandarin dalam iklan-iklan pekerjaan yang disiarkan dalam akhbar-akhbar

wa swasta yang perlu menggugurkan syarat penguasaan bahasa Mandarin dalam iklan-iklan pekerjaan yang disiarkan dalam akhbar-akhbar,” katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat MT UMNO di sini hari ini.

Abdullah semasa berucap merasmikan Perhimpunan Agung MCA baru-baru ini berkata, sektor swasta yang dikuasai kaum Cina perlu membuka peluang pekerjaan

UM-29/8/2007
kepada orang Melayu dan India tanpa mensyaratkan pengambilan pekerja mesti menguasai bahasa Mandarin.

Pada masa yang sama, Perdana Menteri mahu dihapuskan persepsi bahawa sektor awam hanya menerima kakitangan di kalangan orang Melayu.

Beliau juga ingin melihat wujud situasi yang adil dan saksama bagi memastikan semua kaum mempunyai peluang sama

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

untuk menceburi semua sektor yang mereka ingini.

Meskipun 90 peratus kanak-kanak berumur tujuh tahun di kalangan kaum Cina bersekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan mengetepikan sekolah kebangsaan, Perdana Menteri berkata, ia adalah tidak benar.

Jelasnya, hanya terdapat 1,004 SJKC di seluruh negara dan mustahil ia mampu menempatkan kesemua kanak-kanak berusia tujuh tahun daripada kaum Cina.

“Faktor sebenarnya ialah 90 peratus pelajar di SJKC ialah daripada kaum Cina dan selebihnya adalah daripada kaum lain,” katanya.

Abdullah memberitahu, Sekolah Kebangsaan juga mendapat sambutan daripada pelajar-pelajar kaum Cina.